

Kursus Sarjana Sains Perpustakaan di Loughborough University of Technology

Mustaffa Hj. Darimi*

Pengenalan

Kursus Sarjana Sains Perpustakaan di Loughborough University of Technology (LUT) memakan masa selama satu tahun bermula pada 5hb Oktober 1992 dan berakhir pada 30hb September 1993. Sepanjang tempoh ini, penulis telah dapat menimba ilmu kepustakawanan dengan mendalam dan didedahkan kepada teknologi yang terdapat di dalam bidang perpustakaan seperti pengkomputeran. Adalah kehendak Perpustakaan Universiti Malaya supaya kakitangannya cekap dalam mengendalikan tugas-tugas sejajar dengan kemajuan teknologi. Pengalaman serta kecekapan adalah faktor utama kejayaan pustakawan dalam menjalankan tugasnya.

Kursus yang ditawarkan

Kursus ini terbahagi kepada dua bahagian. Pada bahagian pertama, setiap pelajar harus mengikuti kuliah dan tutorial. Selepas mendaftar pada hari pertama, para pelajar berkumpul di Jabatan Pengajian Maklumat dan Perpustakaan (DILS). Para pelajar diberi penerangan ringkas mengenai kursus tersebut, mata pelajaran yang bersangkutan dan diperkenalkan kepada tenaga pengajar yang berkenaan. Ini memberi gambaran awal kepada para pelajar mengenai kehendak Jabatan. Di samping itu, ia juga dapat mengeratkan hubungan pelajar dan pensyarah. Dalam hubungan ini, setiap pelajar mempunyai pengajar kursus. Dengan adanya pengajar kursus, maka pelajar ada tempat untuk meluahkan masalah pelajaran atau peribadi mereka. Pengajar kursus akan cuba sedaya upaya untuk membantu mengatasinya.

Setiap pensyarah yang bertindak sebagai pengajar kursus mempunyai lima hingga enam orang pelajar di bawah jagaan mereka. Jagaan ini bukan berdasarkan kepada mata pelajaran yang diikuti atau negeri asal mereka. Agihan ini berdasarkan kepada jumlah pelajar dan pen-

syarah yang ada. Perlu diingat bahawa pengajar kursus tidak semestinya dilantik menjadi penyelia tesis pelajar. Penyelia tesis pelajar hanya dilantik apabila pelajar sedia menulis tesis.

Di samping itu, pelajar-pelajar dan pensyarah-pensyarah dijemput menghadiri majlis suai-kenal yang dikendalikan oleh DILS. Ia bertujuan supaya pelajar dapat beramah mesra dan ber-kenalan lebih-lebih lagi di antara pelajar-pelajar luar negeri. Majlis tidak formal ini juga dapat merapatkan lagi hubungan di antara pelajar luar negeri dengan pelajar tempatan.

Kuliah-kuliah yang disampaikan amatlah memuaskan. Alat-alat seperti *overhead projector* digunakan pada masa kuliah. Di samping itu, nota-nota kuliah juga diberi kepada setiap pelajar. Ini memudahkan para pelajar mengikuti kuliah kerana dapat menjimatkan masa untuk menulis nota, manakala pensyarah pula dapat menerangkan dengan lebih mendalam. Terdapat sebahagian kecil pelajar luar negeri menghadapi masalah pada masa mengikuti kuliah. Ini disebabkan beberapa perkataan oleh pensyarah tidak dapat difahami. Dengan adanya nota-nota kuliah, ia dapat membantu mengatasi masalah ini.

Pelajar juga perlu menyiapkan diri untuk menghadiri tutorial dengan membaca bahan-bahan yang berkenaan. Di samping itu, pelajar juga perlu menulis esei bagi mata pelajaran yang diikuti. Setiap esei yang diserahkan akan diberi markah dan markah-markah ini penting untuk menentukan prestasi pelajar dalam kursus ini. Ini menyebabkan para pelajar terpaksa meluangkan banyak masa untuk membaca dan mendapatkan data-data yang berkaitan.

Sebahagian besar pelajar yang mengikuti kursus ini mempunyai pengalaman bekerja di perpustakaan. Oleh itu, semasa tutorial, pelajar-pelajar ini dapat memberi idea dan cadangan berdasarkan kepada pengalaman mereka. Para pelajar memang digalakkan aktif dalam perbincangan.

* Pustakawan, Perpustakaan Majalah.

Di dalam mata pelajaran Teknologi Maklumat, pelajar didedahkan kepada penggunaan komputer. Kemahiran penggunaan perisian seperti Windows, Wordperfect dan lain-lain, juga digalakkan kerana dapat membantu mereka apabila menghasilkan tesis. Sambutan dari pelajar amatlah menggalakkan. Disebabkan esei perlu ditaip, terminal tidak mencukupi. Menyadari akan kekurangan ini, pihak DILS telah memesan beberapa buah terminal tambahan. Ini amat melegakan para pelajar kerana dapat menggunakannya tanpa membuang masa menunggu.

Para pelajar juga diajar cara mengakses katalog talian terus yang menghubungkan perpustakaan-perpustakaan akademik yang lain di England. Penggunaan kemudahan ini adalah dikhaskan kepada pustakawan sahaja. Walaupun para pelajar tidak dapat menggunakan kemudahan ini, akan tetapi ianya satu pendedahan kepada mereka bahawa perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan dapat dilakukan dengan segera.

Mengikut buku panduan yang diberi, DILS berada di paras empat di Bangunan Perpustakaan Loughborough University of Technology atau lebih dikenali sebagai Pilkington Library. Ia juga memberi gambaran yang para pelajar tidak perlu berjalan jauh ke perpustakaan selepas kuliah. Gambaran ini jelas tidak menepati seperti yang diharapkan kerana kuliah diberikan di dewan-dewan kuliah berlainan tempat. Para pelajar terpaksa berjalan ke dewan kuliah yang agak jauh. Masalah ini lebih dirasai apabila di musim sejuk.

Di akhir pengajian bahagian pertama kursus ini, setiap pensyarah akan mengedarkan soal-selidik kepada setiap pelajar. Dari soal-selidik ini, mereka akan mengetahui sama ada cara pengajaran mereka berkesan atau tidak dan mereka sedia menerima cadangan untuk memperbaiki lagi cara pengajaran mereka pada masa akan datang.

Di bahagian kedua pula ialah penulisan tesis. Ia bermula pada bulan Mac. Pelajar di-

kehendaki menulis tesis kira-kira 20,000 patah perkataan. Penulisan tesis ini hanya dibenarkan jika pelajar berjaya di dalam bahagian pertama. Walaupun di bahagian pertama tidak ada peperiksaan, tetapi pada sesi 1992/93 yang penulis ikuti, terdapat dua orang pelajar gagal di bahagian pertama.

Semasa penulisan tesis pencarian maklumat dengan menggunakan CD-ROM banyak membantu pelajar. Lain-lain kemudahan seperti printer disediakan untuk mencetak hasil dari pencarian maklumat dan untuk menaip tesis. Jika bahan atau rencana yang diperlukan tidak terdapat di Pilkington Library, kemudahan pinjaman antara perpustakaan juga disediakan. Akan tetapi kemudahan ini dikenakan bayaran sebanyak £4.00 setiap permintaan. Untuk mengatasi masalah ini, pelajar perlu mendapat pengesahan dari penyelia dan perkhidmatan ini tidak dikenakan sebarang bayaran.

Di akhir pengajian, diadakan majlis minum teh khas untuk semua pelajar luar negeri LUT yang baru. Turut hadir di majlis ini ialah Naib Canselor dan beberapa orang kakitangan akademik yang mewakili jabatan mereka. Di majlis ini, pelajar-pelajar luar negeri berpeluang berkenalan dan beramah mesra. Suasana lebih menarik lagi kerana ramai pelajar luar negeri menghadiri majlis ini dengan memakai pakaian tradisi mereka.

Kesimpulan

Secara keseluruhan kursus ini amat berfaedah. Ini kerana para pelajar didedahkan dengan aspek teori dan amali. Matapelajaran yang ditawarkan memang sesuai untuk pustakawan. Bagi pelajar luar negeri, lebih-lebih lagi dari negara yang belum lagi mempunyai sistem pengkomputeran perpustakaan, mereka dapat mempelajari dan mengkaji faedah serta beberapa kelemahan sistem yang ada untuk disesuaikan di negara mereka. ■